



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**08 november 2022
13 Rabiulakhir 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">•
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">• 30 bubu naga dirampas
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• 'Menu sedap musim hujan'• Bantu 20 nelayan dapatkan lesen
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Pengusaha kedai jumpa baung bercorak kalimah Allah
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">•
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
The Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none">•
Bernama	<ul style="list-style-type: none">•
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none">•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		11	8.11.22

Bantu 20 nelayan dapatkan lesen

Pekan: Usaha membantu mendapatkan lesen menangkap ikan di laut buat lebih 20 nelayan tradisional di Tanjung Gosong di sini, akan dilakukan demi kebajikan golongan terbabit.

Calon Barisan Nasional (BN) kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) Peramu Jaya, Datuk Mohd Nizar Najib berkata, dia meletakkan usaha berkenaan sebagai antara tanggungjawab utama yang perlu diselesaikan sekiranya tugas wakil rakyat berjaya disandang.

Menurutnya, tanpa lesen nelayan berhadapan tindakan undang-undang sekira-

nya ditahan pihak berkuasa ketika mereka berada di laut untuk mencari rezeki.

“Kita difahamkan bukan nelayan terbabit tidak berminat bagi mendapatkan lesen, tetapi permohonan dibekukan pihak berwajib.

“Terdapat seorang nelayan mendakwa sudah empat tahun turun ke laut tanpa lesen selepas permohonan mereka dibekukan, perkara berkenaan tidak sepatutnya berlaku kerana ia mengundang perkara yang tidak diinginkan terjadi.

“Ramai lagi nelayan beberapa kampung seperti Kampung Lamir, Kampung

Tanah Putih, Kampung Serandu dan Kampung Tanjung Selangor yang mengalami nasib sama,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan pertemuan dalam program berkempen di jeti nelayan Kampung Tanjung Gosong di sini, kelmarin.

Mohd Nizar yang juga Ketua Pemuda Umno Pekan berkata, disebabkan tidak memiliki lesen bot menangkap ikan di laut nelayan tidak berpeluang mendapat bayaran elaun sara hidup disediakan kerajaan termasuk tidak layak membeli minyak bersubsidi.



MOHD Nizar (dua dari kiri) bertemu nelayan ketika meninjau jeti di Kampung Tanjung Gosong, Pekan. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		18	8-11-2022

'Menu sedap musim hujan'

Penduduk kampung pukat ikan darat sebagai juadah keluarga, punca pendapatan tengkujuh

Oleh Syaherah Mustafam@hmetro.com.my

Rantau Panjang

Di sebalik dugaan banjir, terselit rezeki ikan darat buat penduduk kampung yang terkesan, sama ada untuk juadah sekeluarga atau dijual sebagai punca rezeki.

Tinjauan ke Kampung Tersang di sini, semalam mendapati beberapa individu memukat ikan dan berkongsi kegembiraan kerana mendapat banyak hasil seperti baung, pepuyu, lampam, keli serta haruan.

Penduduk, Mohd Khairul Anuar, 38, berkata, setiap kali tengkujuh, mereka tidak melepaskan peluang memukat terutama pada hari pertama dan kedua, kerana ia waktu banyak ikan di sungai memenuhi kawasan banjir.

"Kami keluar ke kawasan banjir yang kedalaman air melebihi paras 1.5 meter kerana ikan darat bersaiz besar tertumpu di kawasan berkenaan. Dengan berperahu, kami memasang pukat di lubang ikan yang dikenal pasti.



Mohd Khairul Anuar (kiri) dan Mohd Hirwan menunjukkan ikan darat yang diperolehi mereka hasil memukat.



Mohd Khairul (kanan) mengutip ikan darat yang ditahan untuk dijadikan juadah keluarga atau dijual sebagai punca rezeki.



BEBERAPA kampung masih digenangi air sejak empat hari lalu ketika tinjauan di Kampung Tersang dan Kampung Gual To' Deh, Rantau Panjang.



Penduduk kampung ini tahu lokasi lubang ikan darat kerana hampir setiap tahun melakukan aktiviti memukat."

Mohd Khairul

"Biasanya penduduk kampung ini tahu lokasi lubang ikan darat kerana hampir setiap tahun melakukan aktiviti memukat. Hasil ikan diperolehi dikongsi bersama dan dijual jika ada permintaan.

"Pukat dibeli di kedai biasanya dijahit semula bagi memastikan ia lebih kukuh



Cukup dengan aneka lauk ikan darat boleh memberi sedikit senyuman buat kami sekeluarga"

Mohd Hirwan

memaridangkan arus air agak deras pada permulaan banjir selain mengelak ikan terlepas akibat pukat koyak, katanya kerja ditemui di Kampung Tersang, semalam.

Beberapa penempatan di kawasan rendah sekitar Rantau Panjang masih diinaki air seperti Kampung Luar, Kampung Kosar, Kam-

pung Putat Tajuh dan Kampung Bendang Perol, G To' Deh di sini.

Sementara itu, bagi Mohd Hirwan (Rahim, 41), ha tangkapan ikan darat dia mengurangkan kesedih keluarganya yang terkesan emosi serta mental akibat perih berhadapan bah banjir setiap tahun.

"Cukup dengan aneka lauk ikan darat boleh memberi sedikit senyuman buat kami sekeluarga. Tambahan pula menu berasaskan ikan darat sangat menyejatkan ketika musim tengkujuh.

"Ikan darat mendapat permintaan ramai dan dijual sekitar RM10 hingga RM20 sekilogram bergantung kepada jenis ikan, tetapi ba ikan baung, agak mahal ia serendah RM25 hingga RM28 sekilogram," katanya

MENSABIT						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		17	
							8.11.2022	

Pengusaha kedai jumpa baung bercorak kalimah Allah

HULU TERENGGANU — Seorang pengusaha kedai makan terkejut apabila seekor ikan baung yang disiangnya memiliki corak badan seakan-akan kalimah Allah.

Mohd. Asari Salleh, 61, yang mengusahakan Warung Makan Kepala Retok berkata, baung istimewa itu adalah sebahagian daripada 20 kilogram (kg) ikan yang dibelinya daripada peraih di Manir, Kuala Terengganu.

"Menu istimewa kedai makan

yang saya usahakan sejak empat tahun ialah ikan baung masak tempoyak.

"Seperti biasa, 20kg ikan baung digunakan setiap hari untuk masakan tersebut, namun hari itu (19 September lalu), saya perasan salah seekornya mempunyai corak seakan-akan kalimah Allah," katanya ketika ditemui di kedai makannya di Kampung Kuala Pueh di sini semalam. KOMHO MS 17

Menurutnya, dia beristighfar apabila melihat kebesaran Allah itu dan tidak tergamak untuk memasak ikan baung berkenaan.

Katanya, baung tersebut disujuk beku sehingga kini dan bercadang mahu mengawetnya bagi memastikan corak seakan-akan kalimah Allah pada badan ikan berkenaan terus terpelihara.

"Biasanya permukaan ikan baung tidak memiliki sebarang corak mahupun belang," ujarnya.



INILAH ikan baung yang memiliki corak seakan-akan kalimah Allah.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			23	8-11-2022

30 bubu naga dirampas

Georgetown: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) merampas 30 bubu naga dekat Penaga di sini.

Rampasan dilakukan ketika rondaan Op Pertiwi pada kedudukan kira-kira 0.8 batu nautika barat daya Pantai Teluk Malas, Penaga pada jam 4.40 petang kelmarin.

Pengarah Maritim Malaysia (Pulau Pinang), Kapten Maritim Abd Razak Mohamed, berkata anggota mengesan pelampung penanda yang mencurigakan di

dua lokasi di perairan itu.

Nilai rampasan RM3,600

Katanya, menerusi pemeriksaan berjaya menemukan 30 bubu naga yang dipasang individu tidak bertanggungjawab.

"Semua bubu naga yang dirampas itu dianggarkan bernilai RM3,600.

"Barangan yang dirampas dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin Batu Uban bagi tindakan lanjut," katanya semalam.

Abd Razak berkata, pengguna

an bubu naga diharamkan kerana merosakkan ekosistem marin dan menjejaskan sumber pendapatan nelayan lain.

Katanya, pemilik bubu naga boleh didakwa mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan dengan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan.

"Jika disabit kesalahan, individu itu boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.



Anggota Maritim Malaysia merampas bubu naga di barat daya Pantai Teluk Malas, Penaga, petang kelmarin. (Fotó ihsan Maritim Malaysia)